

16/07/2004

50 calon layak tanding

KUALA LUMPUR: Seramai 118 nama dicalonkan 80 bahagian Pemuda Umno sehingga semalam untuk merebut 20 jawatan Exco pergerakan itu pada pemilihan September ini dengan 50 calon daripadanya sudah layak bertanding.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata Datuk Mukhriz Mahathir mendahului senarai dengan 64 pencalonan diikuti Shamsul Najmi Shamsuddin (63) dan Harrison Hassan (60).

"Kita akan mengetahui siapa yang layak bertanding selepas semua bahagian Pemuda bermesyuarat," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas Exco Pemuda Umno di sini semalam.

Jumlah pencalonan untuk bertanding jawatan Exco Pemuda Umno ialah lima peratus atau 10 pencalonan bahagian.

Turut layak bertanding ialah calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Parlimen Permatang Pauh pada pilihan raya umum lalu, Datuk Pirdaus Ismail, yang mendapat 46 pencalonan.

Hishammuddin berkata, Exco Pemuda juga membuat keputusan untuk mencalonkan seorang lagi anggotanya, Datuk Shaziman Mansor, untuk bertanding jawatan Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Katanya, minggu lalu Pemuda Umno mencalonkan anggotanya, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, yang juga Menteri Besar Selangor, bertanding jawatan MT.

Mengenai persaingan Pemuda Umno setakat ini, Hishammuddin berkata, ia tidak sengit seperti yang dijangkakan apabila berlaku banyak kekosongan berikutan ramai yang mencapai had umur 40.

Katanya, mesyuarat Pemuda Umno juga berjalan lancar kecuali di empat bahagian iaitu Muar, Jelebu, Rasah dan Kota Marudu.

(END)